

# 'Henti pertikai kuasa Agong selesai isu lantik PM'

BH - 6/12/2022

m/s: 2

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Ke-10 dibuat berdasarkan kuasa Yang di-Pertuan Agong yang diperuntukkan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, Anwar menasihati semua pihak supaya menerima kenyataan berkenaan, se-

lain berhenti mempertikai kuasa dan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong menyelesaikan isu pelantikan Perdana Menteri.

Beliau berkata, perkara berkenaan perlu diperjelaskan bagi mengelak tohmahan dan kekeliruan mengenai fakta dan kronologi pelantikan Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum

Ke-15 (PRU15).

## 9 YB UMNO tarik sokongan

"Walaupun bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendakwa mempunyai sokongan daripada 115 Ahli Parlimen, tetapi belum tempoh had ditetapkan pada jam 2 petang kesokannya.

"Sembilan Ahli Parlimen UMNO pun menarik (balik sokongan terhadap Muhyiddin), selain GPS (Gabungan Parti Sarawak) memberi perakuan untuk menyerahkan (kepada) kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong untuk memutuskannya.

"Maka, jumlah itu (sokongan terhadap Muhyiddin) sudah ten-

tunya dipertikaikan dan ia dimaklumkan kepada Majlis Raja-Raja yang kemudian membuat keputusan sebulat suara menetapkan calon Perdana Menteri yang baharu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas pertama Kabinet Kerajaan Perpaduan, di sini, semalam.